

NO SOALAN :49

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' DR. TAN KEE KWONG
(WANGSA MAJU)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 05.04.2018

Y.B. DATO' DR. TAN KEE KWONG [WANGSA MAJU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan siapakah pelabur dan pemaju bagi The Tun Razak Exchange.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Setakat ini, kira-kira 70 peratus daripada plot yang tersedia di tapak projek Tun Razak Exchange (TRX) telah dikomersialkan. Dengan keluasan tapak projek berjumlah 70 ekar, TRX telah berjaya menarik minat pelbagai pelabur dan penyewa tempatan serta antarabangsa, termasuk bank-bank dan institusi kewangan utama dunia. Berikut adalah senarai pembeli dan pelabur tanah di TRX:

- i. Lendlease melalui 60:40 usahasama dengan TRXC untuk membangunkan Lifestyle Quarter yang merangkumi tanah komersial, kediaman dan hotel;
- ii. Lembaga Tabung Haji - jualan tanah kediaman;
- iii. Mulia Property Development Sdn Bhd - jualan tanah komersial untuk dibangunkan sebagai bangunan yang dikenali sebagai *Exchange 106*;
- iv. Affin Bank Bhd - jualan tanah komersial untuk dibangunkan sebagai ibu pejabat bank Affin di Malaysia;
- v. WCT Precious Development Sdn Bhd - jualan tanah kediaman;
- vi. Syarikat milik Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) - jualan tanah komersial;
- vii. HSBC Bank Malaysia Bhd - jualan tanah komersial untuk dibangunkan sebagai ibu pejabat bank HSBC di Malaysia; dan
- viii. IJM RE Commercial Sdn Bhd - jualan tanah komersial untuk dibangunkan sebagai ibu pejabat Kumpulan Syarikat Prudential Malaysia.

Merujuk kepada transaksi-transaksi di atas, jumlah jualan telah mencapai lebih RM 4 billion.